

## Pembangunan Nilai Qurani Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang Menerusi Nilai Diri Dan Kerja

Rashidi Abbas  
Zilal Saari

*Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebubraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, MALAYSIA.*

### Article Information

Received 22 Jan 2016  
Received in revised form  
6 Sept 2016  
Accepted 1 Dec 2016

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pembangunan nilai qurani dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang menerusi penerapan nilai diri dan kerja. Sampel kajian seramai 281 orang yang terdiri daripada pelajar sarjana muda semester enam terlibat dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, data kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 19.0 bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai, dan Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan adanya perhubungan yang sederhana kuat, yang signifikan antara nilai diri dengan nilai kerja. Sementara itu, tahap penguasaan nilai diri iaitu amanah, tanggungjawab dan telus berada di tahap tinggi. Selain daripada itu, nilai kerja iaitu kerjasama, iltizam dan penambahbaikan berterusan juga berada di tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa adanya perkaitan yang signifikan antara pembangunan nilai diri dan kerja dengan keupayaan pelajar yang perlu diberi perhatian sewajarnya untuk meningkatkan prestasi universiti dan potensi diri pelajar.

© Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Kata kunci: Kemahiran Insaniab, Nilai Diri dan Nilai Kerja.*

### Abstract:

*This study was conducted to examine the development of quranic value among students of University Malaysia Pahang through the implementation of self-value and work. The study employed of 281 respondents consisting of bachelor graduate of 6<sup>th</sup> semester. In relation to this, the data of the study was analyzed using Statistical Software Package for Social Sciences (SPSS) version 19.0 in order to obtain the mean value, standard deviation and Pearson correlation. The results of this study shows that there is a moderately strong relationship that is significant value between self esteem and work value. Meanwhile, stage value self-control, responsibility and trust which is transparent in high-level. Other than that, i.e. cooperation work value, iltizam and improvements on an ongoing basis is also in the high level. As a whole, this study formulate that there is a significant association between value self-development and work with the capacity students that need to be given attention naturally to increase the performance and potential university students.*

*Keyword: Soft Skills, Self value and work value*

## PENGENALAN

Bidang pendidikan pada hari ini perlu membuktikan kualiti yang tinggi sehingga dapat mengupayakan graduan dengan ilmu dan kemahiran yang memenuhi kehendak oleh pasaran global (Simin Ghavifekr et al., 2014). Hasil yang berkualiti memerlukan sokongan banyak pihak terutamanya pihak kerajaan dan institusi pendidikan itu sendiri. Perancangan ini sejajar dengan pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Pelan ini telah memperuntukan sebanyak 5 billion ringgit untuk pengagihan dan membekalkan warga Malaysia dengan pendidikan yang berkualiti tinggi. Justeru itu, agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin untuk mencorak dan gambaran tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu sendiri (Asmawati Desa, 2009).

Pendidikan tidak hanya melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran, malah mengamalkan nilai murni dan mempunyai integriti dalam bidang kerja yang diceburi (Sufean Hussin et al., 2009). Unsur kemahiran dan nilai diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenarnya. Pendidikan memainkan peranan penting bagi membina dan menanamkan nilai-nilai positif untuk menjadikan masyarakat maju dan moden. Nilai-nilai positif yang mendorong kepada perubahan dan kemajuan akan menjadikan perkembangan sosial dan kemajuan negara lebih dinamik dan progresif (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Perubahan dan anjakan baharu dalam pendidikan tinggi bertepatan dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan modal insan yang dinamik dengan daya saing tinggi bagi menjana kemajuan negara dalam semua aspek (Abd Rahman Ahmad, 2006). Kewujudan modal insan yang bermutu tinggi dengan mentaliti kelas pertama selari dengan ketetapan dalam rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Di samping itu, modal insan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam pelbagai bidang kepakaran serta dilengkapi pula dengan kemahiran insaniah dan nilai kerohanian menjadi tunjang yang kukuh bagi menjayakan sektor ekonomi dan seterusnya menjana kekayaan (Ibrahim Che Omar & Morshidi Sirat, 2006). Selari dengan peningkatan dari segi aspek nilai yang ada pada manusia, pembinaan modal insan menjadi teras dalam menjana *k-ekonomi* negara. Modal insan bermutu dilihat sebagai penentu dalam memastikan kejayaan setiap perancangan negara, sama ada ekonomi, pendidikan atau pembangunan rohani serta jasmani. Dalam hal ini, universiti dan institusi pendidikan perlu menyediakan sistem pendidikan yang mampu berperanan untuk membina modal insan bermutu (Aida Suraya Md Yunus et al., 2006).

Pada masa yang sama, isu tingkah laku etika dan moral penjawat awam telah mendapat liputan meluas baik di peringkat nasional ataupun antarabangsa (Ahmad Esa et al., 2005). Kepentingan reformasi dan pembaharuan dalam sektor awam atau swasta perlu diperkembangkan sama ada dari aspek tadbir urus sumber manusia, kewangan dan sebagainya (Sharifah Noor Anita Syed Jaafar, 2002). Tambahan pula, dengan proses globalisasi, negara-negara yang sedang membangun menghadapi cabaran yang hebat menghadapi pelbagai rintangan (Mohd Sallehin Abas, 2005). Bertitik tolak dari sinilah kerajaan memerlukan seorang penjawat awam yang berkualiti tinggi, mempunyai personaliti yang baik, modal insan kelas pertama yang mampu menjauhkan diri dari segala kejahatan sosial yang berlaku di sektor-sektor awam atau swasta. Kita boleh mengejar kemajuan, perubahan dan pembangunan tanpa meninggalkan nilai-nilai positif yang menjadi asas pembinaan kekuatan moral, kerohanian, kemanusiaan dan keterampilan dalam segala bidang kehidupan (Khairul Hamimah et al., 2014).

Apabila dikaitkan nilai, etika, moral dalam kalangan mahasiswa di Malaysia, ia menjadi satu agenda penting dan berharga pada kerajaan kerana mahasiswa adalah generasi yang akan mewarisi

tampak kepemimpinan pada masa akan datang (Rashidi Abbas, 2014). Mahasiswa perlu memahami konsep ini serta menghayati dengan penuh kesedaran kerana mereka juga merupakan jambatan di antara Institusi Pengajian Tinggi dan organisasi. Institusi Pengajian Tinggi diibaratkan sebagai kilang yang akan menghasilkan produk yang berkualiti iaitu mahasiswa yang mempunyai nilai etika dan moral profesional yang tinggi (Ismail Abdullah Siputeh, 2006). Sekiranya moral dan akhlak yang rendah serta kurangnya nilai-nilai positif dipamerkan dalam kalangan mahasiswa, sudah tentu akan memberikan kesan negatif serta meningkatkan masalah sosial di kalangan masyarakat. Nilai-nilai peribadi asas ( Nur Syakiran Akmal Ismail & Zalinnah Ahmad, 2005) dalam penjawat awam boleh diaplikasikan dalam suasana pembelajaran di IPTA. Nilai peribadi yang pertama yang perlu dimiliki ialah sifat amanah. \*Nilai amanah ini dilihat penting kepada pelajar kerana mereka berperanan untuk menjaga hak diri, ibubapa, masyarakat dan universiti. Apa yang menjadi keutamaan disini adalah hak serta amanah kepada PenciptaNya. Nilai yang kedua ialah \*sifat bertanggungjawab yang bermaksud sesuatu kerja, tugas dan lain-lain mestilah dilaksanakan dengan penuh komitmen (Rashidi et al., 2014). Nilai komitmen ini akan menghasilkan pelajar yang bekerja dengan penuh kesungguhan dan bertanggungjawab ( Mohd Roslan Mohd Nor et al., 2010).

Oleh yang demikian pemimpin yang beretika, bermoral, dan berintegriti amat penting dalam memacu pembangunan negara dan rakyat. Malahan peranan pemimpin untuk meningkatkan kemajuan rakyat bukan hanya tertumpu kepada bidang fizikal semata-mata tetapi yang lebih pentingnya adalah membangun moral, budi pekerti serta kerohanian rakyat (Siti Salwa Md Sawari & Azlina Mustaffa, 2014). Seorang pemimpin yang memahami nilai peribadi pengikut akan memberi peluang untuk membentuk budaya organisasi. Nilai murni akan sentiasa menjadi teras dan nadi kepada pembangunan organisasi. Nilai diri berperanan untuk meningkatkan maruah diri, sementara nilai kerja untuk meningkatkan sumbangan kepada organisasi, keluarga, masyarakat, bangsa dan tamadun (Haji Ahmad Berek, 1994). Oleh itu, kefahaman tentang nilai adalah sangat penting dalam kepemimpinan kerana pemimpinlah yang bertanggungjawab untuk menerangkan fokus dan arah tindakan pengikutnya (Mumtaz Begam Abdul Kadir et al., 2009). Pemupukan nilai murni, moral dan etika yang berasaskan kepada al-Quran ini hendaklah disemai sejak kecil lagi agar ia berakar umbi apabila meningkat dewasa dan seterusnya dapat menghayati apa yang telah menjadi pegangannya sebelum ini.\*

Dalam konteks membangunkan nilai-nilai murni (Rashidi et al., 2014) serta berintegriti ini, semua pihak memainkan peranan masing-masing dan mempunyai tugas yang perlu dilaksanakan seperti institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil, institusi sosiobudaya, institusi agama, institusi pendidikan dan lain-lain. Pembudayaan nilai luar juga telah mempengaruhi struktur kekeluargaan (Mohd Nasir Omar, 2005). Peranan ibu bapa dan anak telah berubah dan diambil alih oleh pihak tertentu yang dikatakan hampir sama dengan kehidupan anak-anak dan ibu bapa, semasa mereka mencapai usia tua (Aida Suraya Md Yunus et al., 2006). Di sinilah berlakunya peranan pendidikan untuk mencipta situasi yang baharu. Pendidikan merupakan industri yang terbesar dalam ekonomi gelombang ketiga. Malah pendidikan merupakan industri eksport yang terpenting. Pendeknya pendidikan akan memegang peranan yang amat penting dalam mengharungi masa peralihan yang kalau tidak dilaksanakan secara berhati-hati akan membawa kepada kehancuran, hura-hara yang besar (Hassan Langggulung 1993). Pendidikan di pandang sebagai unsur pokok dalam pembangunan. Islam mengutamakan nilai-nilai terpuji seperti kejujuran, kesedarhanaan, keadilan dan bertingkah laku baik sesama manusia, makhluk hidup yang lain serta persekitaran (Vishalache Balakrishnan, 2009). Dalam konteks pendidikan, Institusi Pengajian Tinggi bertanggungjawab untuk membangunkan pelan dan acuannya sendiri untuk memupuk nilai-nilai yang murni yang berasaskan al-Quran dalam kalangan pelajar dan mahasiswa. Selaras dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah membangunkan modul kemahiran insaniah di Institusi

Pengajian Tinggi agar graduan mampu trampil dan berkebolehan di pasaran Malaysia atau antarabangsa (Tan Cheng Yoke & Tang Keow Ngang, 2015).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Masalah keruntuhan moral dalam kalangan generasi muda dewasa ini amat membimbangkan dan mencabar peranan sistem pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan moral kepada masyarakat (Mustafa Dakian, 2009). Tanpa wawasan moral dan akhlak yang kuat, sekolah dan sistem pendidikan di negara ini tidak mungkin dapat melaksanakan wawasan dan misi perjuangan ke arah membentuk golongan muda yang berhemah dan bermoral (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Senario kemerosotan akhlak generasi muda, peningkatan gejala sosial dan kegelinciran nilai agama dalam kalangan remaja menjadi isu kepada negara (Nasharudin Mat Isa, 2003). Keruntuhan moral yang semakin berleluasa dalam kalangan generasi muda seolah-olah memperlihatkan kelemahan sistem pendidikan pada masa sekarang (Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2006). Disiplin yang longgar, moral yang rendah dan nilai-nilai hidup yang buruk menggambarkan proses pendidikan yang diberi kepada generasi muda mengandungi kepincangan yang memerlukan perhatian daripada semua pihak (Haslin Baharim, 2014). Dari satu sudut dapat diperhatikan bahawa pihak kerajaan semakin giat meningkatkan usaha-usaha bagi meningkatkan nilai, etika, moral dalam kalangan penjawat awam. Ini adalah manifestasi kepada keseriusan usaha kerajaan untuk melaksanakan secara menyeluruh etika dan moral profesional dalam apa sahaja disiplin pekerjaan yang diceburi bermula dari bangku sekolah lagi (Razaleigh Muhamat@kawangit, 2015). Bagi meningkatkan kefahaman berkenaan tentang nilai, etika dan moral dalam kalangan penjawat awam, beberapa program latihan telah dilaksanakan secara berpusat yang dikendalikan oleh institusi latihan sektor awam seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Suruhanjaya Badan Pencegah Rasuah (SPRM) dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Begitu juga dengan kursus yang dianjurkan oleh pihak kerajaan yang berkaitan dengan nilai, etika dan moral seperti kursus Induksi Umum, Kursus Induksi Khusus, Kursus Kenegaraan, Kursus Nilai dan Etika, Kursus Pengurusan Kualiti dan sebagainya. Selain itu seminar dan bengkel-bengkel mengenai perkara ini juga diadakan seperti Seminar Nilai dan Etika, Seminar Kebangsaan Etika Profesional, Persidangan atau Seminar Pengurusan Tatatertib, Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Peringkat Kebangsaan, negeri dan sebagainya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji tahap penguasaan nilai diri \*(nilai qurani) dalam kalangan pelajar UMP.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan nilai kerja (nilai qurani) dalam kalangan pelajar UMP.
3. Menganalisis hubungan antara nilai diri dan nilai kerja dalam kalangan pelajar UMP.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Bagi tujuan kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan oleh pengkaji bagi menjawab soalan berikut:

1. Sejauh mana tahap penguasaan nilai diri (nilai qurani) dalam kalangan pelajar UMP?
2. Sejauh mana tahap penguasaan nilai kerja (nilai qurani) dalam kalangan pelajar UMP?
3. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara nilai diri dan nilai kerja dalam kalangan pelajar UMP?

## KAEDAH ANALISIS DATA

Analisis data merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data secara prosedur statistik. Selepas menjalankan soal selidik, data tersebut telah dikumpul dan diproses untuk dianalisis (Mohd Majid Konting, 2005). Untuk memperoleh maklumat yang diperlukan oleh objektif penyelidikan, beberapa langkah perlu dipenuhi untuk memenuhi syarat yang ditetapkan. Penyelidik menganalisis data secara kuantitatif dengan menggunakan analisis program “*Statistical Package For Social Sciences*” (SPSS versi 19.0) bagi menjawab semua persoalan penyelidikan di atas. Sistem SPSS adalah satu alat yang komprehensif untuk mengurus, menganalisis dan mempamerkan data (Mohd Majid Konting, 2005). Responden dalam kajian dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria dan berkaitan dengan tema penyelidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

## DAPATAN KAJIAN

### I. TABURAN RESPONDEN

Kategori		Kekerapan	Peratus
<b>Jantina</b>	<b>Lelaki</b>	123	43.8
	<b>Perempuan</b>	158	56.2
Total		281	100.0

**Jadual 1 :** Jantina

Daripada Jadual 1 di atas, menunjukkan pelajar lelaki mewakili 123 orang dan pelajar perempuan mewakili 158 orang pelajar dalam kajian ini. Pelajar ini berada di semester enam di peringkat ijazah sarjana muda. Responden dalam kajian ini dari fakulti Kejuruteraan awam, fakulti Sains Teknologi dan Fakulti Kimia. Jumlah keseluruhan pelajar Universiti Malaysia Pahang yang mengambil bahagian dalam kajian ini ialah berjumlah 281 orang pelajar.

### II. PERSOALAN PERTAMA

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
<b>C1</b>	Menghadiri ke kelas tepat pada masanya	4.54	.649	Tinggi
<b>C2</b>	Menyelesaikan tugas yang diamanahkan dalam tempoh yang ditetapkan	4.53	.638	Tinggi
<b>C3</b>	Menjaga dan menyayangi harta dan kemudahan universiti dengan amanah	4.43	.729	Tinggi
<b>C4</b>	Tidak menyalahgunakan kuasa yang dimiliki apabila dilantik untuk memegang jawatan	4.38	.702	Tinggi

**Jadual 2 :** Statistik deskriptif bagi nilai diri (amanah)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai diri iaitu sifat amanah pelajar. Sebanyak 4 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai diri dan sifat amanah pelajar. Item menghadiri ke kelas tepat pada masanya mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.54$ ,  $SP= .649$ ) dan item tidak menyalahgunakan kuasa yang dimiliki apabila dilantik untuk memegang jawatan mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.38$ ,  $SP= .702$ ). Kehadiran ke kelas merupakan elemen yang sangat dititikberatkan oleh pengurusan dan pensyarah di UMP. Peningkatan disiplin ke kelas akan memberikan impak yang tinggi kepada disiplin yang lainya.

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
<b>C1</b>	Melaksanakan tugas dengan kuasa yang diperuntukkan dengan dedikasi dan bertanggungjawab	4.48	.654	Tinggi
<b>C2</b>	Mematuhi arahan dan peraturan yang telah dikuatkuasakan	4.42	.738	Tinggi
<b>C3</b>	Bertanggungjawab atas kesalahan yang dilakukan sendiri dan tidak menyalahkan orang lain	4.44	.674	Tinggi

**Jadual 3 :** Statistik deskriptif bagi nilai diri (bertanggungjawab)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai diri iaitu sifat bertanggungjawab pelajar. Sebanyak 3 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai diri dan sifat tanggungjawab pelajar. Melaksanakan tugas dengan kuasa yang diperuntukkan dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.48$ ,  $SP= .654$ ) dan item mematuhi arahan dan peraturan yang telah dikuatkuasakan mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.42$ ,  $SP= .738$ ). Apabila tugas diserahkan kepada pelajar, mereka begitu berdedikasi untuk melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab. Nilai murni inilah sangat diperlukan untuk diamalkan secara istiqomah dalam kehidupan seorang pelajar.

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
<b>C1</b>	Menerima pandangan dari pelbagai pihak dan memperbaikinya	4.35	.697	Tinggi
<b>C2</b>	Menjalankan tugas secara telus dalam semua perkara	4.22	.807	Tinggi
<b>C3</b>	Dapat mendidik supaya menjadi telus dan ikhlas menerima ilmu dari pensyarah/guru	4.33	.741	Tinggi

**Jadual 4 :** Statistik deskriptif bagi nilai diri (telus)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai diri dan sifat ketelusan pelajar. Sebanyak 3 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai diri dan sifat ketelusan pelajar. Menerima pandangan dari pelbagai pihak dan memperbaikinya mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.35$ ,  $SP= .697$ ) dan item menjalankan tugas secara telus dalam semua perkara mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.22$ ,  $SP= .807$ ). Sifat keterbukaan dalam menerima pandangan untuk kebaikan pada masa hadapan sangat-sangat dipuji dan dicintai oleh sesiapa sahaja.

### III. PERSOALAN KEDUA

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Menyelesaikan masalah secara bersama melalui syura	4.24	.696	Tinggi
C2	Menghindari prasangka buruk terhadap rakan	4.24	.657	Tinggi
C3	Membantu dan menggalakkan rakan dalam meningkatkan prestasi	4.44	.674	Tinggi
C4	Bekerjasama di dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat/objektif	4.19	.646	Tinggi

**Jadual 5:** Statistik deskriptif bagi nilai kerja (kerjasama)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai kerja dan sifat kerjasama pelajar. Sebanyak 4 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai kerja dan sifat kerjasama pelajar. Item membantu dan menggalakkan rakan dalam meningkatkan prestasi mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.44$ ,  $SP= .674$ ) dan item bekerjasama di dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat/objektif mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.19$ ,  $SP= .646$ ). Kerjasama dan sifat keperihatinan antara satu sama lain adalah sifat mulia dan terpuji yang perlu sentiasa diamalkan. Justeru itu, setiap manusia mempunyai potensi diri untuk dibangunkan dalam dimensi yang tertentu.

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Menjalankan tugas dengan penuh semangat dan dedikasi	4.03	.748	Tinggi
C2	Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepenuh hati	4.10	.700	Tinggi
C3	Bersedia untuk mencuba dan bersedia memperbaiki kesilapan.	4.23	.721	Tinggi
C4	Merancang dan melaksanakan kerja dengan terperinci dan teliti	4.20	.706	Tinggi

**Jadual 6 :** Statistik deskriptif bagi nilai kerja (iltizam)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai kerja iaitu iltizam pelajar. Sebanyak 4 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai kerja iltizam pelajar. Item Bersedia untuk mencuba dan bersedia memperbaiki kesilapan mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.23$ ,  $SP= .721$ ) dan item Menjalankan tugas dengan penuh semangat dan dedikasi mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.03$ ,  $SP= .748$ ).

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Melakukan penilaian diri dan menjalankan tindakan pembetulan dari semasa ke semasa	4.43	.729	Tinggi
C2	Meningkatkan prestasi diri melalui latihan dan bimbingan	4.41	.707	Tinggi
C3	Melakukan perubahan selaras dengan keperluan semasa dan akan datang	4.44	.679	Tinggi

<b>C4</b>	Mengubahsuai proses kerja untuk penjimatan tanpa menjejaskan kualiti dan kecekapan	4.47	.655	Tinggi
-----------	--	------	------	--------

**Jadual 7:** Statistik deskriptif bagi nilai kerja (penambahbaikan berterusan)

Nilai min digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu berkaitan tahap penguasaan nilai kerja iaitu penambahbaikan berterusan pelajar. Sebanyak 4 item telah dikemukakan di bahagian ini untuk merungkai persoalan penguasaan nilai kerja penambahbaikan berterusan pelajar. Item mengubahsuai proses kerja untuk penjimatan tanpa menjejaskan kualiti dan kecekapan mendapat skor min yang paling tinggi iaitu ( $M=4.47$ ,  $SP= .655$ ) dan item Meningkatkan prestasi diri melalui latihan dan bimbingan tidak menyalahgunakan kuasa yang dimiliki apabila dilantik untuk memegang jawatan mendapat skor min yang paling rendah ( $M= 4.41$ ,  $SP= .707$ ).

#### IV. PERSOALAN KETIGA

Islam		Diri	Kerja
<b>Diri</b>	Korelasi Pearson		.580**
	Sig (2-tailed)		.000
	N		281
<b>Kerja</b>	Korelasi Pearson	.580**	
	Sig (2-tailed)	.000	
	N	281	

**Jadual 8 :** Hubungan antara nilai diri dengan nilai kerja

Jadual 1.8 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi Korelasi Pearson yang mengukur hubungan di antara nilai diri dengan nilai kerja. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ( $r = .580$ ,  $p < .05$ ) jelas menunjukkan perhubungan sederhana kuat yang signifikan antara nilai diri dan nilai kerja. Oleh yang demikian, hipotesis nul ( $H_0$ ) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara nilai diri dengan nilai kerja ditolak. \*Kesimpulannya pembentukan nilai diri dan nilai kerja merupakan perkaitan yang tidak boleh dipisahkan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Justeru itu, keutamaan perlu diberikan kepada beberapa aspek nilai yang menjadi nadi dan tunjang seorang insan.

#### KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Kekuatan sesebuah negara dan bangsa terletak di atas integriti dan komposisi masyarakatnya yang berilmu, berakhlak dan mempunyai nilai murni yang tinggi. Pembinaan keharmonian akhlak dan budi pekerti rakyat jelata adalah sesuatu yang subjektif dan menyeluruh. Apabila baik hati dan berbudi yang dimiliki rakyat, maka baiklah sesebuah bangsa dan negara tersebut. Sehubungan dengan itu, pembangunan modal insan mestilah dibina atas asas ilmu yang integratif. Ilmu yang berasaskan agama sangat penting bagi membentuk nilai dan pekerti manusia. Manusia tanpa nilai dan akhlak akan hilanglah arah tujuhnya dan seterusnya hilanglah juga arah sesebuah negara. Nilai inilah yang manjadi ukurtara atau *benchmarking* yang memandu nilai dan visi hidup mereka. Oleh itu kepentingan sistem nilai dan etika dalam proses pengilmuan adalah sesuatu yang amat dituntut. Pancaran murni dari tamadun budaya dan tradisi yang bermanfaat harus dikongsikan kerana sifatnya interaktif. Harus ada usaha yang terancang dan bersungguh-sungguh



supaya sari pati nilai-nilai ketamadunan dan budaya tinggi yang berrmanfaat diajarkan kepada masyarakat berbilang kaum. Ianya bermaksud supaya cara berfikir warga sesebuah negara berasaskan nilai-nilai murni seperti saling menghormati perbezaan dan memanfaatkan persamaan, menghargai kepentingan ilmu dan pendidikan yang beretika, menjunjung kepentingan ilmu dan pendidikan yang adil, tulus dan telus, bersungguh-sungguh dan berdisiplin dalam melakukan sesuatu dan sentiasa meletakkan atas kerjasama dan perpaduan berasaskan rasa percaya yang tinggi hingga menyebabkan berlakunya kerukunan hidup dan kedamaian hubungan. Sesungguhnya nilai diri dan nilai kerja sangat penting pada diri seorang pelajar secara khususnya untuk meningkatkan kualiti peribadi pada masa hadapan. Nilai diri dan kerja ini perlu digarap dengan saksama dalam aktiviti formal dan tidak formal di dalam kelas atau di luar kelas. Di dalam sesi formal pensyarah perlu berperanan menjalinkan antara nilai-nilai diri dengan subjek yang diajar kepada pelajar. Setiap pensyarah mempunyai peranan untuk menerapkan nilai murni kepada pelajarinya menerusi subjek yang diajarnya. Sebenarnya nilai diri dan kerja ini tidak boleh dipisahkan dalam sistem pembelajaran secara formal pada masa sekarang, kerana setiap topik yang disampaikan berkaitan dengan nilai diri seorang individu. Pelaksanaan kemahiran insaniah pada masa sekarang dilihat mampu membentuk pelajar dengan disiplin yang diaspirasikan oleh kerajaan, cuma penambahbaikan dari aspek prasarana perlu dipertingkatkan untuk tujuan tersebut. Di samping itu, pelaksanaan ini perlu dilibatkan beberapa agensi atau universiti swasta secara holistik dan tersusun agar mereka cakna dengan perkembangan ini yang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara. Perbincangan nilai diri dan kerja ini dapat direalisasikan secara saksama dengan keterlibatan semua agensi untuk mendokong hasrat kerajaan untuk melahirkan pekerja yang tinggi sahsiahnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi, Dato Seri (2006). *Pembangunan Modal Insan, Koleksi Ucapan*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembaangunan Modal Insan Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Azhar Hj Wahid (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim Perak.
- Anis Yusal Yusoff, Zubayry Abady Sofian (2008). *Politik Isu-isu Integriti: 2000-2008*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Abd Rahim Abd Rashid (2001), *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmawati Dewa (2006), *Menjana Modal Insan Cemerlang*. (ed) Menjana Modal Insan Cemerlang dalam *Menjana Modal Insan Cemerlang*. Selangor: Kolej Teknologi Darulnaim.
- Ahmad Atory Hussain (2000), *Pengantar Pentadbiran Awam: Paradigma Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Aida Suraya Md Yunus, Ibrahim Che Omar, Abd Razak Ahmad & Norzaini Azman (2006), *Trend dan Isu Pendidikan Tinggi Negara* (ed) Morshidi Sirat & Ibrahim Ceh Omar dalam *Masa Depan Pendidikan Tinnggi di Malaysia*. Pualau Pinang: Institut Penyelidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Ahmad Bin Berek (1994). *Executives' Development For Excelllence*. Kuala Lumpur: IKIM.
- B. Richerzhagen (2001), *Educating the Engineer for the 21<sup>st</sup> Century*. Kluwer Academic Publishers.
- Bacino, Randy, Zeralkink, Claire (2007). *Soft Skills: The New Curriculum for Hard-Core Technical Professional*. Journal of Education-Adult Education, Occupations and Careers.20-22.
- Colin Wringe (2007), *Moral Education Beyond The Teaching of Right and Wrong*.UK : Springer.

- Debbie Beard, Dana Schwieger, Ken Surendran (2008). *Integrating Soft Skills Assessment Through University, College and Programmatic Efforts at an AACSB Accredited Institution*. Journal of Information Systems Education, 19, 229-240.
- Geoege and Marguarite Kermis (2010). *Professional Presence and Soft Skills: A Role for Accounting Educator*. Journal of Instructional Pedagogies.
- Geana W. Mitchell Leane B. Skinner Bonnie J. White (2007). *The Importance of Soft Skills in The Twenty-First Century Workforce As Perceived by Business Educators*. The Delta Pi Epsilon Journal.
- Greg Dewar (2006). *Religious Studies: Philosophy & Ethics*. New York: Oxford University Press.
- Hasan Langgulung (1993). *Menghadapi Abad ke -21*. Bangi: UKM.
- Haslin Baharim (2014). *Indahkanlah Akhlakmu*. Kuala Lumpur: YAMANI Angle Sdn Bhd.
- Ibrahim Che Omar & Morshidi Sirat (2006), Daya Penggerak dalam Pendidikan Tinggi Negara (ed) Morshidi Sirat & Ibrahim Che Omar dalam *Masa Depan Pendidikan Tinggi Di Malaysia*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Ismail Abdullah Siputeh (2006). *Insan Dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Jennifer gunning, Soren Holm (2007). *Ethics, Law and Society*. Ashgate Publishing Limited: England.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- K. Bertens (2003). *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Khairul Hamimah Mohhd Jodi & Mohd Afifuddin Mohamad & Azizi Che Seman (2014). *Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual: Kajian Kes di Kompleks Dar Assadab Kuala Lumpur*. Jurnal Syariah Vol 22, no 1 (2014) 107-127.
- Louis P. Pojman (2006). *Ethics Discovering Right And Wrong*. Thomson Wadsworth : Cambridge University.
- Laporan Kajian Integriti Nasional (2007). Institut Integriti Malaysia (IIM): Kuala Lumpur.
- Munir Shuib, Rosni Bakar, Ibrahim Che Omar, Shukran Abdul Rahman & Ahmad Nurulazam Md Zain (2006), Pewujudan Universiti Masa Depan (ed), Morshidi Sirat & Ibrahim Che Omar dalam *Masa Depan Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Pulau Pinang: Innstitut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Mohd Janib Johari (2002). *Etika Profesional*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai Johor Baharu.
- Mohd Taib Dora, Norliah Kudus, Mahadi Abu Hassan, Ruziah Ali (2008). *Kemahiran Insaniah 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka: Melaka.
- Mohd Zulkifli Mohd Ghazali (2007). *Mendepani Cabaran Ke Arab Universiti Bertaraf Dunia*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai Johor Baharu.
- Muhammad Zulhirsyan (2009) *The Power Of Akhlak*. (Terj). Jasmin Publications: Selangor.
- Malaysia (1991), *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991- 2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- \_\_\_\_\_ (1994), *Citra Karya: Fallsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohammad Shatar Sabran et.al (t.t). *Modern Day Finishing School Experience From Los Angeles 2<sup>nd</sup> Version*. Pusat Kokurikulum Universiti Putra Malaysia. Serdang Selangor.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim (ed) (2010). *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. UM: Akademi Pengajian Islam.
- Mumtaz Begam Abdul Kadir & Mohammed Sani Ibrahim (2009), *Integriti Peningkatan Kualiti Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Muhd Kamil Ibrahim & Nasrudin Mohammed (2004), *Ibrahim Shah Menyingkap Pengurusan*. Universiti. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Zulkifli Mohd Ghazali (2007). *Mendepani Cabaran Ke Arab Universiti Bertaraf Dunia*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

- Mohd Azhar Yahaya, Fatimah Hanum et al (2007). Jurnal Perkhidmatan Awam Malaysia. Bil 2  
Issn:1823-6197.
- Mohd Sallehin Abas (2005). *Penerapan Kemahiran Generik di Institusi Pengajian Tinggi Teknikal*. Kajian Kes terhadap KUiTTHO dan MFI. KUiTTHO Tesis Sarjana PTV.
- Mohd Nasir Omar (2005). *Akhlak Dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Dakian (2006). *Pembangunan Modal Insan Misi 2057 Berteraskan Islam dan Konvensional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Nur Syakiran Akmal Ismail & Zalinah Ahmad (2005), *Nilai Awam Dalam Perkhidmatan Awam di Malaysia* (ed) Muuhamad Ali Embi & Rozita Abdul Mutalib dalam Jurnal Pengurusan Awam , Jabatan Perkhidmatan Awam. Jilid 6 Bil 2. ISSN 1675-3720.
- Nubli Abd Wahab (2005). *Panduan Program Soft Skills*. Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia : Kuantan
- Nik Safiah Nik Ismail (2010). *Soft Skills The What The Why The How*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.
- Noel Stewart (2009). *Ethics: An Introduction To Moral Philosophy*. Polity Press: UK
- Nasharudin Mat Isa (2003). Hubungan Politik dan Agama- Trauma Hidup Umat Melayu Islam (ed) Syed Muhammad Naquib & Muhammad Abdul Rauf dalam *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azzah Kamari & Siti Fairuz Ramlan & Azharsyah (2014). *Quranic Work Ethics*. Journal of Usuluddin 04 (2014) 135-172.
- Paramasivam et.al (2009). *Kemahiran Kerja Berpasukan*. Universiti Putra Malaysia. Serdang Selangor.
- Prosiding Persidangan Kurikulum Kebangsaan ( 2007). *Merintis Pembabaruan Kurikulum Ke Arab Membangunkan Modal Insan Gemilang*. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Prosiding Seminar Penstrukturan Semula Sistem Pendidikan Kebangsaan (2000). Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur
- Pascasidang Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina (2007). *Melahirkan Modal Insan Cemerlang*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Pelan Integriti Nasional (2004). Institut Integriti Malaysia: Kuala Lumpur.
- Samir Muhazzab Amin et.al (2009). *Masalah Sosial Peranan Pekerja Sosial Dalam Membangunkan Modal Insan*. Universiti Putra Malaysia. Serdang Selangor.
- Siti Salwa Md Sawari & Azlina Mustaffa (2014). *Guru Bersabsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sabnun: Analisa Buku Adab Al-Mualimin*. The Online Journal of Islamic Education. July 2014, vol 2 Issue 2.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2003), Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam (ed) Syed Muhammad Naquib & Muhammad Abdul Rauf dalam *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syarifah Noor anita Syed Jaafar (2002). *Penguasaan Kemahiran Generik Dalam memenuhi Kebendak Pasaran Kerja: Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson*. KUiTTHO. Tesis Sarjana.
- Sufean Hussin & Norliza Zakuan (2009). *Dasar Modal Insan*. Kuala Lumpur: TINTA Publishers.
- Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan 2006 (2007). *Memperkasa Budaya Pembelajaran Berasaskan Hasil*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

- Simin Ghavifekr & Amy Lim Sok Hoon & Hee Fui Ling & Tan Mei Ching (2014). *Heads of Department As Transformational Leaders in Schools: Issues and Challenges*. Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM). July 2014 Vol 2, Issue 3, 119-139.
- Russ Shafre-Landau(2007). *Ethical Theory*. Blacwell publishing Ltd: UK
- Ronald A. Howard, Clinton D. Korver (2008). *Ethics For The Real World*. Harvard Business Press: Boston Massachusetts.
- Rashidi Abbas & Ilhamie Abd Ghani Azmi & Fakhrol Adabi Abdul Kadir (2014). *Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah Dengan Etika dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia*. The Oneline Journal Of Islamic Education July 2014, vol.2 Issue 2.
- Rashidi Abbas (2014). *Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniab*. Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah.
- Rashidi Abbas, Fakhrol Adabi Abdul Kadir, Ilhamie Abdul Ghani Azmie (2013). *The Importance of Entrepreneurial Skills in Generic Skills Elements As Percieved by Malaysian Soft Skills Scale (My3S)*. Jurnal Muamalat 2013.ISSN:1985-6156/153-186.
- Razali Muhamat@Kawangit (2015). *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam Sejarah Teori dan Pelaksanaan*. Bangi: UKM.
- Tan Cheng Yoke & Tang Keow Ngang (2015). *A Study On Soft Skills Development Among Final Year Diploma In Business Studies Students*. Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM). April 2015 Vol 3, Issue 2, 32-50.
- Tonggak Dua Belas (The Twelve Pillars) (2003). Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia: Kuala Lumpur.
- Tracy M.Kantrowitz (2005). *Development and Construct Validation of a Measure of Soft Skills Performance*. (Doctoral Dissertation. Georgia Institute of Technology, 2005).
- Vishalache Balakrishnan (2009), *Pendidikan Moral untuk Universiti Dan Kolej*. Arah Publication: Shah Alam Selangor.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2007), *Akauntabiliti Sebagai Mahasiswa Islam*. Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai Negeri Sembilan.

